

30 MAY 2001

TARIKH KONVENSYEN UMNO S'GOR BERUBAH

SHAH ALAM, 30 Mei (Bernama) -- Konvensyen Ke 10 Umno Selangor yang dijadualkan pada 16-17 Jun 2001 terpaksa ditunda ke tarikh baru iaitu dari 30 Jun hingga 1 Julai.

Penundaan tarikh itu adalah atas permintaan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selaku Presiden Umno yang dijemput untuk melakukan upacara perasmian konvensyen itu.

Pejabat Perhubungan Umno Selangor di sini dalam satu kenyataan berkata, tempat dan aturcara perasmian konvensyen tidak berubah.

Konvensyen itu dijadualkan berlangsung di Hotel Grand Bluewave, Shah Alam.

"Badan Perhubungan Umno Selangor memohon maaf di atas penundaan tarikh baru itu," katanya.

-- BERNAMA

RIZ PR